

Headline	Go Green pupuk minat alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	19	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	853 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,014
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,042



**APA KATA MEREKA**  
 Saya seronok menanam pokok dan mengenal jenis-jenis pokok.  
 - Muhd Huzaimy Fariz, 12.



Suka pada pokok dan suasana kehijauan.  
 - Nur Aliya Mohd Faiz, 12.



Saya tahu kepentingan pokok sebagai pembekal oksigen kepada kita.  
 - Syed Muhammad Arief Syed Abbas, 12.



Saya belajar mengenai pelbagai spesies pokok.  
 - B. Tadshan, 12.



**INFO**

Disertai kira-kira 50 orang pelajar dari sekolah yang terletak berhampiran dengan kampus FRIM di Kepong.

Program bertujuan membangun serta memperkasa komuniti hijau di persekitaran FRIM bagi mengukuhkan usahanya ke arah mendapat pengiktirafan tapak warisan dunia.

Program tersebut dikendalikan oleh Penyelidik FRIM, Sadali Sahat dan Mohd. Ramly Mohd. Saleh.



DUA orang pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kepong membalut anak pokok dengan tisu pada Program Go Green FRIM Siri ke-2 baru-baru ini.

**U**SAHA Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia (WHIS) Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) terus diperhebatkan. Ini termasuklah mengadakan aktiviti bersifat pemuliharaan dan kesedaran tentang pentingnya penjagaan hutan.

Agensi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar itu baru-baru ini menganjurkan program *Go Green FRIM* Siri ke-2 bagi membolehkan peserta diperkenalkan kepada kepelbagaian pokok dipterocarpaceae di FRIM, selain diberi peluang mengutip anak-anak pokok liar dan ditunjuk cara penyediaan media untuk stok tanaman.

Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod** berkata, program tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti jeryawara (*outreach*) yang dilaksanakan untuk penglibatan komuniti di sekitar kawasan FRIM bagi meningkatkan ke sedaran serta sokongan mereka terhadap usaha pemuliharaan hutan dan alam sekitar.

# Go Green pupuk minat alam sekitar

terhadap usaha pemuliharaan hutan dan alam sekitar.

"Kami akan meneruskan usaha untuk melibatkan ketua-ketua serta ahli-ahli komuniti yang tinggal berhampiran kampus FRIM, mereka yang datang mengadakan aktiviti riadah serta pihak-pihak berkepentingan.

"Ini penting kerana masih ada dalam kalangan mereka yang mungkin tidak sedar kepentingan hutan FRIM," katanya.

Beliau berkata FRIM berhasrat menjadi pusat pembelajaran bagi generasi muda untuk menjelajah hutan melalui aktiviti-aktiviti pendidikan alam sekitar,

mempelajari mengenai spesies-spesies tumbuhan yang penting dan memupuk rasa sayang dan kekayaan kepelbagaian biologi hutan kita.

"Kami mempunyai kepakaran serta kemudahan untuk penganjuran pelbagai aktiviti pendidikan alam sekitar di dalam kampus FRIM," kata beliau lagi. **Abd. Latif** berharap, program seumpama itu dapat menimbulkan rasa minat terhadap mata pelajaran sains yang semakin berkurangan dalam kalangan pelajar sekarang.

Aktiviti tersebut merupakan asas kepada pembangunan landskap yang penting dalam

pembangunan *showcase garden*. Pelajar akan diperkenalkan kepada kepelbagaian pokok dipterocarpaceae di Tapak Warisan FRIM serta menyediakan bahan tanaman yang ditaburkan sebagai stok bahan tanaman.

Program yang dikendalikan oleh Program Pengurusan Tapak Warisan FRIM (FRIM-WHS) melibatkan pelajar sekolah berhampiran dengan kampus FRIM di Kepong. Ia merupakan aktiviti *hands-on* bagi pengutipan koleksi anak pokok-pokok liar di bawah pembangunan bank baka Tapak Warisan FRIM bagi dipterocarpaceae. Sementara itu, Ketua

Komunikasi Korporat FRIM, **Norhayati Nordin** berkata, penglibatan golongan muda dalam penganjuran penghijauan boleh menjadi pembuka jalan dan penerus kepada usaha pemuliharaan alam sekitar.

Program seperti itu kata beliau, memupuk rasa bahawa hutan adalah milik bersama dan dalam masa yang sama, diharap dapat memupuk minat pelajar terhadap sains.

"Kita mahu memupuk kecintaan pelajar supaya mereka mininati bidang sains," ujarnya.

Antara aktiviti yang diadakan selama sehari itu adalah teknik pengutipan anak pokok liar di lapangan, demonstrasi penyediaan media tanaman, menabung koleksi anak liar serta melabel polibeg.

Bagi Penolong Pegawai Penyelidik FRIM yang juga tenaga pengajar, **Sadali Sahat**, aktiviti tersebut membimbing pelajar mempelajari jenis-jenis atau spesies pokok dan cara mengendalikan anak pokok.



**MOHD. RAMLY MOHD. SALEH**

"Kita menunjukkan ajar mereka cara mengutip anak pokok liar, cara betul mencabut anak pokok sebab ia penting apabila pegawai (UNESCO) bertanya apa yang dilakukan dalam aspek pemuliharaan," ujarnya.

Bagi Pengurus Tapak Semaian FRIM, **Mohd. Ramly Mohd. Saleh**, aktiviti penyediaan media tanaman penting bagi mendedahkan pelajar bagaimana menanam dan mengendalikan anak pokok yang dikutip untuk tujuan pemuliharaan. **- LAUPA JUNUS**



MURID-MURID serta guru dan kakitangan FRIM merakam gambar pada Program Go Green FRIM Siri ke-2 di Kepong baru-baru ini.